



Ruj. Kami : KP(BPPDP)601/028 Jld. 10 (67)

Tarikh : 08 Mei 2014

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

VERIFIKASI DATA KECICIRAN MURID DALAM EMIS *ONLINE*

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan sedang dalam proses mengumpulkan maklumat keciciran murid dari sekolah-sekoiyah bagi tujuan pelaporan antarabangsa seperti *World Education Indicators* (WEI) dan *Education For All* (EFA), jawapan soalan Parlimen dan program-program intervensi.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon kerjasama pihak sekolah untuk membuat pengemaskinian modul murid cicir yang dipaparkan dalam aplikasi *EMIS Online*. Pihak kami akan membuka modul murid cicir tersebut untuk pengisian mulai **12 Mei 2014** sehingga **23 Mei 2014**.

4. Bersama-sama ini dilampirkan manual pengguna modul murid cicir untuk rujukan pihak sekolah. Manual pengguna untuk modul ini juga boleh dimuat turun dari portal EMIS (<http://emisonline.moe.gov.my>).

5. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi **Encik Sazril bin Murshid** di talian **03 – 88721457** atau **Encik Mohd Zabil Ikhwan bin Mohamed Nasaruddin** di talian **03 – 8884 6545**.

Kerjasama dan keprihatinan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATUK Dr. AMIN BIN SENIN)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia